



**KASIM Md. Mansur (dua dari kiri)** menyampaikan sumbangan kepada Reduan Ambitung di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

## MPP UMS bantu mangsa banjir

UM 5.3.2014 26

KOTA KINABALU 4 Mac - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas kehidupan mereka akibat bencana tersebut bulan lalu.

Baru-baru ini, MPP UMS dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turun padang membantu sebuah keluarga di Beaufort yang terpaksa menumpang di kuaters sementara selepas kediaman mereka musnah ekoran banjir terburuk di daerah itu.

Sumbangan wang tunai dan pakaian itu disampaikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya. Datuk Dr. Kasim Md. Mansur kepada keluarga Ambitung di kediaman sementara mereka di Kuaters Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah berkenaan.

Yang turut hadir Setiausaha Su-

lit Ahli Parlimen Beaufort, Faizal Arshad; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Mohd. Raffie Janau dan Presiden MPP, Fandyi Sanizan Jurup.

Sementara itu, Faizal mengumumkan bantuan khas daripada Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Azizah Mohd. Dun iaitu pembinaan sebuah rumah untuk menempatkan keluarga yang mempunyai dua anak orang kurang upaya (OKU).

Katanya, pembinaan rumah berkenaan diharap mampu meringankan beban keluarga itu setelah menempuhi detik-detik sukar dalam bencana tersebut yang telah mengorbankan satu nyawa.

"Kita berterima kasih atas keprihatinan pihak UMS. Pembinaan rumah ini nanti juga dibantu oleh para pelajar UMS yang sangat bermurah hati dalam menghulurkan sumbangan dan bantuan," ujarnya.